

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]
TARIKH : 15 JUN 2015
SOALAN :

YB Tuan Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) adakah terdapat penemuan baru bagi mengatasi masalah wabak denggi; dan
- (b) sejauh manakah kaedah semburan Outdoor Residual Spray (ORS) memberi kesan positif bagi mengatasi masalah denggi.

Tuan Yang Di Pertua,

- a. Bagi mengawal penyakit demam denggi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan aktiviti kawalan rutin seperti penghapusan tempat pembiakan, semburan ruang termal dan semburan *Ultra Low Volume* (ULV) dan penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, 1975. Bagi lokaliti hotspot denggi,

semburan *adulticiding* menggunakan racun jenis synthetic pyrethroid dan *larvaciding* menggunakan Temephos atau *Bacillus Thuringiensis Israelensis* (BTI) dilaksanakan sebagai aktiviti tambahan.

Di samping itu, KKM juga terus memantapkan usaha memerangi denggi dengan melaksanakan teknik semburan *Outdoor Residual Spray* (ORS) untuk mengawal pembiakan nyamuk Aedes sejak 11 Februari 2015 di daerah Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Klang. Selain itu, KKM juga turut meneliti penggunaan cat dinding anti-nyamuk yang dihasilkan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Pada masa ini IMR sedang berkolaborasi dengan Kansai Coatings (M) Sdn. Bhd. untuk mengkomersialkan penggunaan cat ini.

Tuan Yang Di Pertua,

- b. Mengenai kesan positif *Outdoor Residual Spray* (ORS) dalam kawalan denggi, KKM merasakan masih terlalu awal untuk menilai keberkesanan aktiviti ORS secara keseluruhannya kerana baru dilaksanakan sejak 3 bulan lepas. Namun begitu, pemanatauan KKM mendapati selepas 3 bulan ORS dilaksanakan jumlah lokaliti hotspot di Selangor dapat dikurangkan iaitu daripada 256 lokaliti hotspots pada 1 Mac 2015 kepada 58 lokaliti hotspot pada 3 Mei 2015 iaitu pengurangan sebanyak 77%. Diharapkan ianya akan terus memberi impak positif kepada negeri yang bermasalah denggi seperti Selangor.